



**JUARA...** Pasukan debat Kolej E selepas menerima piala kemenangan daripada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur (dua kanan).

# Kolej E juara Karnival Debat Piala Naib Canselor

UB 26/10/2011 B3  
 Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
 aisyahub@gmail.com

**K**OLEJ Kediaman E Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara kategori utama pertandingan debat sempena Karnival Debat Piala Naib Canselor (DPNC) kali ke-11 baru-baru ini.

Karnival yang diadakan sejak tahun 2000 itu adalah antara karnival paling lama dianjurkan di UMS.

Ia bertujuan mencari bakat dari kalangan mahasiswa UMS dalam seni perdebatan dan meningkatkan keyakinan diri melalui seni pengucapan awam.

Kolej E berjaya merampas kembali kejuaraan yang dimenangi pada tahun 2008 daripada Kolej Kediaman AB.

Dengan usul yang diperdebatkan, Kemerdekaan Sabah Tidak Mutlak, Kolej E yang berada di pihak pembangkang akhirnya berjaya meyakinkan pihak juri untuk menolak usul berkenaan.

Bertemu lawan daripada Kolej Kediaman CD sebagai wakil kerajaan, barisan pendebat Kolej E diwakili oleh Muhammad



**WAKIL WANITA...** Wakil pasukan debat Kolej E Muda 1 adalah satu-satunya pasukan yang dibarisi oleh peserta wanita kesemuanya.

Jumrat Minsun, Norzatul Hajar Haron, Mohd Usran Alibubin, dan Joel Yosores.

Keputusan 4-3 dengan margin dua menjadikan kemenangan mutlak dimikili oleh Kolej E.

Selain itu, wakil kategori junior Kolej E turut mara ke pusingan akhir namun tewas kepada pasukan debat Kolej AB.

Bagi Kategori Bahasa Inggeris pula, Kolej

kediaman E turut mara ke pusingan akhir menentang Sekolah Pertanian Lestari (SPL), UMS kampus Sandakan namun hanya mampu berpuas hati di tempat kedua.